

Masalah kesuburan lelaki di negara ini membimbangkan

KUALA LUMPUR: Masalah kesuburan kaum lelaki di negara ini berada pada tahap membimbangkan, Dewan Negara diberitahu hari ini.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Aiman Athirah Sabu, berkata ia berdasarkan data ujian analisis sperma makmal Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Malaysia (LPPKN) yang mendapati sebanyak 60% menunjukkan keputusan abnormal.

“Perkara berkenaan secara langsung menyumbang kepada peningkatan masalah kesuburan dalam pasangan berkahwin di Malaysia.

“Pada masa sama kadar kelahiran di negara kita juga menunjukkan trend penurunan sejak 40 tahun lepas dan ia berkait rapat dengan kadar kesuburan dengan data 2021 **Jabatan Perangkaan Malaysia** yang menunjukkan 1.7 orang anak bagi setiap wanita berkahwin,” katanya.

Aiman Athirah berkata demikian bagi menjawab pertanyaan Senator Dominic Lau Hoe Chai tentang tindakan kementerian dalam menghadapi penurunan kadar kelahiran di negara ini, pada sesi soal jawab di Dewan Negara.

Katanya, sebagai langkah produktif kerajaan mewujudkan Klinik Kesejahteraan Lelaki yang mula beroperasi Oktober tahun lalu di Klinik Subfertiiliti LPPKN di ibu negara dan akan diperluas ke enam lagi Klinik LPPKN di seluruh Semenanjung dan Sarawak tahun ini.

“Klinik ini menawarkan perkhidmatan ujian saringan kesihatan lelaki, khidmat nasihat masalah seksual dan amalan hidup sihat serta rawatan ubatan untuk meningkatkan kesuburan.

“Dalam usaha bantu pasangan berkahwin tangani masalah kesuburan, LPPKN ada menawarkan rawatan kesuburan sejak 1979...di Zon Utara iaitu Klinik Subfertiiliti Pulau Pinang, Zon Tengah di Klinik Subfertiiliti di Kuala Lumpur dan untuk Zon Selatan (Klinik Subfertiiliti) di Johor,” katanya.

Beliau berkata, inisiatif rawatan di fasiliti LPPKN itu sehingga kini berjaya mencatat 6,000 kehamilan dan 4,000 kelahiran yang merupakan satu pencapaian setanding pusat rawatan kesuburan antarabangsa.

Katanya, antara faktor menyumbang kepada penurunan kadar kesuburan rakyat ialah perubahan gaya hidup dan kos sara hidup tinggi sehingga pasangan mengambil keputusan mengehadkan jumlah anak, peningkatan bilangan wanita berpendidikan, penyertaan wanita dalam tenaga buruh selain lewat berkahwin sehingga memendekkan usia reproduktif.- Bernama

<https://sarawakvoice.com/masalah-kesuburan-lelaki-di-negara-ini-membimbangkan/>